

Rabu, 15 Februari 2017



BERNAMA.com

English | Malay | Mandarin | عربي | Español



TENTANG BERNAMA AM POLITIK EKONOMI SUKAN RENCANA DUNIA

Breaking News / Berita Tergempar

Laman Mikro » Perbankan & Kewangan • Auto • Penerbangan • Maritim • Pendidikan

BERNAMA > BERITA



Dr Mohd Uzir Mahidin Dilantik Sebagai Ketua Perangkawan Baharu



KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Jabatan Perangkaan Malaysia melantik Dr Mohd Uzir Mahidin sebagai Ketua Perangkawan Malaysia, berkuat kuasa semalam bagi menggantikan Datuk Dr Abdul Rahman Hasan yang bersara wajib.

Mohd Uzir, 51 tahun, berkelulusan Doktor Falsafah Ekonomi dari University of Sheffield, United Kingdom mula menyertai perkhidmatan Perangkawan pada tahun 1990.

"Beliau berpengalaman luas dalam bidang ekonomi, sosial dan demografi," menurut

kenyataan di sini.

Sementara itu, katanya ia akan meneruskan transformasi jabatan dan komited untuk membekalkan maklumat dan perkhidmatan statistik yang berkualiti dan boleh dipercayai kepada pengguna.

"Jalinan kerjasama bersama responden, pemegang kepentingan, pengguna statistik sama ada dari dalam negara dan antarabangsa akan terus diperkukuhkan," katanya.

-- BERNAMA